

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)
AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i (TIA-i)
PROMOSI BONUS 7-HARI TIA-i**

1. Apakah itu TIA-i?
TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (*Mudarabah*). *Mudarabah* ialah kontrak di antara Pelabur sebagai pemberi modal (*Rabbul Mal*) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) sebagai pengurus pelaburan / pengusaha (*Mudharib*).
2. Apakah kelebihan melabur dalam TIA-i?
Matlamat TIA-i adalah untuk memberikan pulangan yang stabil dan konsisten mengikut jarak masa pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah atau sederhana yang disasarkan untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada akaun berjangka deposit biasa.
3. Apakah tempoh pelaburan yang ditawarkan untuk promosi TIA-i?
Tempoh pelaburan yang ditawarkan ialah 3 bulan.
4. Adakah TIA-i patuh Syariah?
Ya, TIA-i ialah produk patuh Syariah. TIA-i yang ditawarkan oleh HLISB adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), yang mensyaratkan institusi kewangan Islam supaya memastikan produk yang ditawarkan adalah patuh Syariah, di bawah pengawasan Jawatankuasa Syariah (SC) HLISB dan Bank Negara Malaysia (BNM). Produk TIA-i kami telah diluluskan oleh HLISB SC dan BNM.
5. Adakah selamat untuk melabur dalam TIA-i?
Dana yang diterima daripada Pelabur akan dilaburkan dalam aktiviti pelaburan yang berisiko rendah dan/atau sederhana.
6. Bagaimanakah dana tersebut akan dilaburkan?
Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang terpilih dan berkualiti dan dalam parameter risiko yang telah diperincikan dalam Objektif Pulangan yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS).
7. Adakah promosi TIA-i mempunyai tahap maksima pelaburan?
Ya, RM5,000,000 (Ringgit Malaysia Lima Juta) bagi setiap pelabur.
8. Adakah promosi TIA-i mempunyai tahap minimum pelaburan?
Ya, RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu).
9. Bolehkah saya melabur kurang daripada tahap minimum pelaburan?
Tidak.

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

10. Adakah promosi TIA-i boleh diperbaharui secara automatik?
Terdapat dua pilihan yang boleh dipilih oleh Pelabur untuk melabur dalam promosi TIA-i ini;
- Pembaharuan secara automatik:
 - Modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i / Akaun Simpanan-i (CASA-i) atau Akaun Semasa / Akaun Simpanan (CASA) milik Pelabur; atau
 - Modal berserta keuntungan.
 - Tanpa Pembaharuan secara automatik – pelaburan akan matang pada tarikh tempoh matang yang ditetapkan. Modal serta keuntungan akan dikreditkan ke akaun CASA-i (HLISB)/CASA Hong Leong Bank Berhad (“HLBB”) milik Pelabur.

Akan tetapi, apabila dana Pelabur telah matang, kadar untuk Pembaharuan Secara Automatik selepas kematangan tersebut setelah promosi ini adalah tertakluk kepada kadar indikatif semasa HLISB yang digunapakai semasa pembaharuan dilakukan.

11. Adakah promosi TIA-i boleh dijadikan sebagai cagaran untuk kemudahan pembiayaan?
Tidak.
12. Siapakah yang akan menguruskan dana pelaburan dalam TIA-i?
Hong Leong Islamic Bank Berhad.
13. Siapakah yang disasarkan untuk pasaran TIA-i ini?
Pelanggan individu seperti individu dan perniagaan tunggal.
14. Siapakah yang berkelayakan untuk melanggan promosi TIA-i?
Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas dan perniagaan tunggal.
15. Bolehkah saya memberi arahan kepada HLISB berkenaan pengendalian pelaburan?
Tidak. TIA-i diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (*unrestricted account* atau UA). Oleh itu, Pelabur tidak boleh memberi arahan atau mandat kepada HLISB berkenaan pengendalian pelaburan.
16. Bagaimanakah saya boleh melabur dalam promosi TIA-i ini?
Anda haruslah mempunyai CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) terlebih dahulu dan akses kepada Hong Leong Connect melalui <https://hongleongconnect.my>. Pelaburan hanya boleh dibuat secara dalam talian (*online*) melalui Hong Leong Connect.
17. Adakah promosi TIA-i sepenuhnya secara digital?
Ya. Semua urusan perniagaan berkaitan dengan TIA-i termasuk langganan dana, dan pengeluaran dana hanya boleh dilakukan secara dalam talian (*online*) melalui Hong Leong Connect.
18. Adakah Hong Leong Connect mengenakan sebarang kos untuk mendaftar?
Tidak.

19. Bagaimanakah TIA-i berfungsi?
TIA-i ialah produk berasaskan kontrak Syariah yang dinamakan sebagai *Mudarabah* (perkongsian keuntungan), di mana keuntungan akan dikongsi di antara Pelabur dan HLISB berdasarkan Nisbah Perkongsian Untung (PSR) yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. HLISB akan berusaha sebaik mungkin untuk melaburkan dana tersebut dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang terpilih dan berkualiti. Sekiranya berlaku kerugian, Pelabur akan menanggung kerugian tersebut kecuali jika kerugian tersebut terjadi atas sebab salah laku, kecuaiian, atau keingkaran terma tertentu oleh HLISB.
20. Adakah terdapat sebarang fi dan caj yang dikenakan oleh TIA-i ini?
Tiada.
21. Adakah penebusan pramatang dibenarkan?
Ya. Pengeluaran pramatang dibenarkan, tetapi tiada keuntungan (jika ada) akan dibayar kepada Pelabur. Namun demikian, kami tidak menggalakkan sebarang pengeluaran pramatang kerana TIA-i ialah pelaburan yang bertujuan untuk menjana pendapatan yang stabil dan bertempoh.
22. Bagaimanakah Pelabur akan menerima keuntungan?
Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) atau CASA (HLBB) milik Pelabur.
23. Bilakah Pelabur akan mendapat keuntungan tersebut?
Keuntungan yang dijana akan dikreditkan apabila sampai tempoh matang bergantung kepada tempoh pelaburan yang dilanggan.
24. Adakah penebusan sebahagian daripada dana yang dilaburkan dibenarkan?
Tidak.
25. Adakah promosi TIA-i membenarkan akaun bersama?
Tidak.
26. Adakah terdapat kemungkinan bahawa keuntungan tidak dapat dijana di bawah promosi TIA-i?
Ya. Ia mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kegagalan seluruh pasaran, kegawatan ekonomi, atau terjadinya keadaan *force majeure* (seperti peperangan, bencana alam dan seumpamanya).

27. Apakah yang akan terjadi sekiranya pelaburan tersebut menanggung kerugian?
Berdasarkan prinsip *Mudarabah*, sekiranya pelaburan tersebut menanggung sebarang kerugian, jumlah kerugian tersebut haruslah ditanggung oleh Pelabur melainkan kerugian tersebut adalah disebabkan oleh salah laku, kecuiaan atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak HLISB.
28. Bagaimanakah caranya untuk Pelabur menutup promosi TIA-i ini?
Penutupan promosi TIA-i boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect.
29. Adakah Pelabur akan memperolehi penyata akaun untuk promosi TIA-i?
Ya. Penyata akaun dalam talian akan disediakan melalui Hong Leong Connect pada setiap minggu pertama setiap bulan.
30. Kenapa saya perlu menjalani Penilaian Kesesuaian Pelabur (*Investor Suitability Assessment* atau SA)?
Di bawah promosi TIA-i, Pelabur dengan citarasa risiko yang berbeza mempunyai pilihan untuk melaburkan lebih dananya untuk memperolehi pulangan yang berpotensi tinggi daripada pelaburannya. Jadi, SA digunakan untuk mengukur profil/citarasa risiko Pelabur.

HLISB mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk memberi peringatan kepada Pelabur sekiranya pelaburan tersebut tidak bersesuaian dengan profil risikonya. Ini bagi memastikan bahawa Pelabur tersebut telah dimaklumkan berkenaan risiko-risiko yang terlibat dalam mencapai keputusan pelaburan yang tertentu. Oleh itu, penilaian ini berperanan sebagai sekat danimbangan (*check and balance*) untuk HLISB dalam melindungi pelabur daripada melabur menjangkau profil risiko mereka.

31. Bagaimanakah Penilaian Kesesuaian Pelabur (SA) ini akan membantu pelabur dalam membuat keputusan pelaburan?
Penilaian Kesesuaian Pelabur (SA) akan menilai Pelabur dalam tiga bidang utama iaitu:
- Kemampuan kewangan;
 - Keperluan dan citarasa pelaburan; dan
 - Pengalaman dan ilmu pelaburan.

Penilaian ini bertujuan memberikan pandangan yang paling tepat mengenai profil risiko pelabur. Walaubagaimanapun, ketepatan penilaian ini dipengaruhi oleh ketulenan jawapan Pelabur dalam memberikan respon kepada soalan yang diajukan kepada mereka.

32. Adakah TIA-i dilindungi di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?
Tidak.